



**SET-4**

**Series ΩQAΩA**

**Q.P. Code 19**

Roll No.

--	--	--	--	--	--	--	--

Candidates must write the Q.P. Code on the title page of the answer-book.

- Please check that this question paper contains **10** printed pages.
- Q.P. Code given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- Please check that this question paper contains **7** questions.
- **Please write down the serial number of the question in the answer-book before attempting it.**
- 15 minute time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.



**BAHASA MELAYU**



*Time allowed : 2 hours*

*Maximum Marks : 40*



## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian iaitu **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.**
2. **Bahagian A** terdiri daripada satu bahagian iaitu ( i ). Anda wajib menjawab kesemua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada dua bahagian iaitu ( ii ) dan (iii). Anda dikehendaki memilih dan menjawab satu soalan sahaja di bahagian (ii). Anda harus menjawab **semua** soalan di bahagian (iii).
4. **Bahagian C** terdiri daripada dua bahagian, iaitu (iv) dan (v). Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada dua bahagian, iaitu (vi) dan (vii). Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa **20 minit** untuk menjawab **Bahagian A, 30 minit** untuk **Bahagian B, 20 minit** untuk **Bahagian C** dan **20 minit** untuk **Bahagian D.**
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas soalan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa 15 minit untuk membaca kertas soalan. Anda tidak dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **10** muka surat sahaja.



## BAHAGIAN A

[5 markah]

- (i) **Baca petikan e-mel di bawah dengan teliti. Jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.**

Daripada: Farah Atiqah  
Perkara: Pengalaman di Beijing

Kepada: Ayahanda dan bonda  
Tarikh: 25 Oktober 2020

Ke hadapan ayahanda dan *bonda* yang berada di Seremban. Apa khabar? Semoga ayahanda dan bonda sihat sejahtera. Tujuan anakanda menulis e-mel ini adalah bertujuan untuk menceritakan pengalaman anakanda di Beijing. Sebenarnya, anakanda berasa sedih kerana hendak meninggalkan keluarga dan rakan-rakan ketika berada di lapangan terbang tempoh hari. Namun, anakanda kuatkan semangat agar ayahanda dan bonda tidak berasa sedih.

Anakanda sampai di Lapangan Terbang Beijing pada pukul 1:00 pagi bersama-sama kawan-kawan yang lain. Kami disambut oleh abang-abang dan kakak-kakak senior yang berada di sini. Kami beruntung kerana mereka semuanya berbaik-baik. Dari Lapangan Terbang Beijing, kami menaiki van untuk sampai ke universiti yang memakan masa kira-kira 45 minit. Dalam perjalanan, anakanda tertidur dan tersedar sebaik- baik sahaja sampai di universiti.

Di universiti, kami dibawa ke tempat tinggal yang telah disediakan untuk kami. Anakanda ditempatkan di tingkat tiga. Mujurlah rakan-rakan menolong anakanda mengangkat beg dan barang untuk dibawa ke dalam bilik. Anakanda tinggal bersama-sama dengan Hani, iaitu rakan anakanda yang berasal dari Johor.

Setakat inilah e-mel anakanda untuk kali ini. Jika ada kelapangan, anakanda akan menulis untuk menceritakan khabar terkini anakanda di sini. Sampaikan salam anakanda kepada Abang Salman dan Kak Munira.

- a. Perkataan *bonda* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan \_\_\_\_\_ (1 m)



b. Mengapakah penulis berasa sedih ketika berada di lapangan terbang? (1m)

---

---

---

---

---

c. Apakah yang berlaku apabila penulis sampai di universiti? (3m)

---

---

---

---

## BAHAGIAN B

[15 markah]

(ii) Tulis sebuah karangan tentang **salah satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

(10 markah)

a. Sejak akhir-akhir ini, kegiatan jenayah yang berlaku di negara kita sering melibatkan pelajar sekolah. Bincangkan **faktor-faktor** terjadinya perkara tersebut.

atau

b. Pencemaran alam sering menjadi topik utama perbincangan. Jelaskan **langkah-langkah** bagi menyelesaikan masalah tersebut.



- (iii) Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang **matlamat hukuman di sekolah**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan. **( 5 Markah)**

Fungsi asas sesebuah sekolah adalah sebagai institusi untuk mendidik para pelajar. Hukuman yang dilaksanakan adalah dalam konteks mendidik atau mengajar para pelajar tentang erti undang-undang dan tanggungjawab pematuhan undang-undang atau peraturan. Hukuman di sekolah bertujuan untuk mengubah tingkah laku para pelajar daripada yang negatif kepada yang positif.

Berdasarkan peraturan yang ditetapkan menerusi Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru, hukuman diharapkan dapat menimbulkan kesedaran dalam diri para pelajar tentang kesilapan yang telah dilakukan oleh mereka. Antara jenis hukuman yang dijalankan di peringkat sekolah termasuklah amaran, denda, penahanan, rotan, penggantungan, dan pembuangan. Pelajar yang telah dijatuhi hukuman selalunya akan patuh pada peraturan atau undang-undang selepas itu kerana berasa serik dan tidak mahu lagi dihukum buat kali kedua. Hal ini turut memberikan pengajaran kepada pelajar yang lain.

Hukuman rotan, penggantungan, dan pembuangan hanyalah pilihan terakhir setelah semua usaha bimbingan, nasihat, serta tunjuk ajar diberikan. Pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran berhasrat untuk membentuk kelompok pelajar yang berbudi pekerti mulia. Seterusnya, hukuman penting untuk mencegah para pelajar daripada mengulangi kesalahan yang sama dan melindungi pelajar lain yang tidak bersalah daripada terganggu dan teraniaya. Sesungguhnya, kebijaksanaan semua pihak menangani isu disiplin dalam kalangan pelajar di sekolah akan dapat melahirkan generasi pewaris negara yang cemerlang, gemilang, dan terbilang.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Hukuman di Sekolah untuk Mendidik" Irwan Shah Hj. Zaini, *Buletin Pendidikan*, Disember 2011.)



### Bahagian C

[ 10 markah ]

(iv) Susun semula frasa berikut supaya menjadi ayat yang lengkap. (5 Markah)

1. semua / bermain bola sepak. / kerja sekolah / sebelum / ibu / keluar / adik / menyiapkan / menyuruh

---

---

2. rumah / dalam / itu / reka bentuk / yang / Ekspo Perumahan / amat / dipamerkan / menarik.

---

---

3. barang-barang / menyuruh / ke Melaka. / Ibu / Yasmin / mengemas / yang hendak / abangnya / dan / dibawa

---

---

4. pelanggan / mempromosikan / jurujual itu / barang jualannya / pandai / sehingga / yang membelinya. / banyak /

---

---

5. RM 30.00. / Kelab Komputer / sebanyak / semua / perlu / membayar / ahli / yuran tahunan

---

---



(v) Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.

(5 markah)

- bagai kera mendapat bunga
- bagai aur dengan tebing
- bagai bulan purnama penuh
- bagai anjing dengan kucing
- air dicincang tidak akan putus

1. Perangai dua beradik itu \_\_\_\_\_, kerana apabila bertemu mereka pasti bergaduh.
2. Penduduk Kampung Mutiara sentiasa bekerjasama dalam melakukan sesuatu, umpama \_\_\_\_\_.
3. Lee dikatakan \_\_\_\_\_ kerana tidak tahu menghargai hadiah yang diberikan oleh kawannya.
4. Walaupun Siti dan abangnya bergaduh, namun demikian hubungan mereka seperti \_\_\_\_\_.
5. Lily yang jelita \_\_\_\_\_ diminati oleh ramai pemuda.



**BAHAGIAN D**  
**[10 markah]**

- (vi) Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**(5 markah)**

Setelah didengar oleh isterinya kata suaminya itu demikian, maka ia pun menangis. Maka kata suaminya, "Diamlah tuan dahulu, jangan menangis, biarlah kakanda pergi mencari akan buah mempelam itu. Jikalau dapat oleh kakanda akan buah mempelam itu kakanda berikan kepada tuan."

Maka baharulah ia diam. Maka suaminya pun pergilah berjalan. Setelah ia bertemu dengan kedai orang berjual buah itu, maka Miskin itu pun berhentilah di situ. Hendak pun dipintanya takut ia akan orang. Maka katanya orang berkedai, "Apa kehendakmu, Miskin?"

Maka sahut Miskin, "Jikalau ada belas serta kasihan tuan hamba akan orang daif lagi miskin telah terbuang itu, hamba hendak akan buah yang buruk-buruknya itu barang sebuah sahaja."

Maka terlalulah kasihan rasanya hati segala yang mendengar kata Si Miskin itu seperti akan hancur rasanya.

Maka ada yang memberi buah,

ada yang memberi juadah,  
ada yang memberi nasi,  
ada yang memberi kain,  
ada yang memberi buah-buahan,  
akan anak yang diidamkan oleh isterinya.

(Dipetik daripada prosa tradisional "Bahagia Sesudah Derita" dalam antalogi Bintang Hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)



- a.) Apakah yang diterima oleh Si Miskin setelah mereka mendengar keluhannya dengan orang berkedai?

(2 markah)

---

---

---

- b.) Jelaskan **dua** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan prosa tersebut.

(3 markah)

---

---

---

---

